

H0272101 WA1325646377 28/11/2025 16:07:25

DALAM MAHKAMAH TINGGI-MALAYA DI KUALA LUMPUR

DALAM NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

(BAHAGIAN DAGANG)

SAMAN PEMULA NO. WA-24NCC(SOA)- 21-09/2025

Dalam perkara Venator Asia Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran 198201008460 (88183-K))

Dan

Dalam perkara skim perkiraan yang dicadangkan antara Venator Asia Sdn. Bhd. dan Pemiutang Skim menurut Seksyen 366 Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam perkara Seksyen-seksyen 366, 367, 368, dan 369 Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam perkara Aturan 7 Kaedah 2, Aturan 28 dan Aturan 88 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

VENATOR ASIA SDN. BHD.
(No. Pendaftaran 198201008460 (88183-K))

... PEMOHON

DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN

SUHENDRAN SOCKANATHAN

PADA 26 NOVEMBER 2025

MAHKAMAH TERBUKA

PERINTAH

(Ex-Parte)

ATAS PERMOHONAN Pemohon yang dinamakan di atas DAN SETELAH MEMBACA Saman Pemula (Akta Syarikat) (Ex-Parte) bertarikh 29.09.2025 dan kesemuanya yang difailkan di sini, DAN SETELAH MENDENGAR Kwong Chiew Ee, Melvin Ng Yet Ting dan Richard Jerome Peter Selestine bersama-samanya peguamcara pihak Pemohon MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN bahawa:-



1. Mesyuarat pemiutang ("**Pemiutang Skim**") Pemohon ataupun mana-mana kelas pemiutang ("**Mesyuarat Skim**") dipanggil sidang dalam tempoh 5 bulan dari tarikh perintah di sini bagi tujuan untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan sesuai, meluluskan, dengan atau tanpa pengubahsuaian (pengubahsuaian yang boleh dibuat pada dan/atau sebelum Mesyuarat Skim), skim perkiraan dan kompromi ("**Skim**") yang dicadangkan antara Pemohon dan Pemiutang Skim ataupun mana-mana kelas pemiutang.
2. Pemohon bebas untuk menetapkan tarikh, masa dan tempat bagi setiap Mesyuarat Skim (sama ada diadakan di satu atau lebih tempat dan sama ada diadakan secara fizikal atau secara maya (*virtual*));
3. Persidangan dan perlangsurangan Mesyuarat Skim dibuat selaras dengan yang dinyatakan dalam **Lampiran A** di sini, atau dengan cara lain yang diarahkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini.
4. Untuk perintah halangan diberikan kepada Pemohon menurut Seksyen 368(1) dan 368(3A) Akta bagi tempoh 3 bulan dari tarikh perintah ini dibuat, di mana:
 - 4.1. sebarang perintah tidak boleh dibuat, dan sebarang resolusi tidak boleh diluluskan untuk penggulangan Pemohon.
 - 4.2. penerima atau penerima dan pengurus (*receiver and manager*) tidak boleh dilantik ke atas mana-mana pengusahaan atau harta Pemohon;
 - 4.3. apa-apa prosiding (sama ada prosiding masa depan dan prosiding yang diniatkan dan/atau prosiding selanjutnya) tidak boleh dimulakan atau diteruskan terhadap Pemohon selain daripada prosiding di bawah Seksyen 366, 368C, 368D, 369A atau 370 Akta kecuali dengan kebenaran Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh ditetapkan oleh Mahkamah, dan bahawa prosiding tersebut termasuk (tetapi tidak terhad kepada):
 - 4.3.1. sebarang prosiding timbang tara dan/atau prosiding di bawah Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012;



- 4.3.2. sebarang prosiding penggulangan dan semua prosiding bagi pelantikan penyelesai, penerima dan/atau pengurus, nomini (menurut kepada permohonan untuk perkiraan korporat sukarela) dan/atau pengurus kehakiman ke atas Pemohon dan/atau semua asetnya;
- 4.3.3. sebarang prosiding di mana-mana tribunal sama ada menurut kepada sebarang statut atau sebaliknya;
- 4.3.4. sebarang urusan dengan aset Pemohon dalam apa jua cara atau kemasukan di mana-mana premis di mana aset tersebut mungkin terletak kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pemohon atau atas perintah selanjutnya Mahkamah Yang Mulia ini;
- 4.3.5. sebarang prosiding luar kehakiman termasuk sebarang tuntutan untuk pembayaran, penguatkuasaan atau pelaksanaan atau pelaksanaan yang diniatkan, sebarang lien, cagaran, hak tolakan (*set-off*), pengusahaan (*undertakings*) dan jaminan di bawah sebarang surat kredit dokumentari dan siap sedia, bon pelaksanaan, bon bidaan, jaminan bank atau dokumen cagaran atau penciptaan mana-mana lien berkanun dan/atau instrumen berkaitan perdagangan bersyarat terhadap Pemohon atau sebarang institusi yang telah mengeluarkan instrumen tersebut atas permintaan Pemohon menurut kemudahan yang dimeterai dengan Pemohon;
- 4.3.6. sebarang penguatkuasaan atau pelaksanaan mana-mana hak (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan garnisi, kontra atau tolakan hutang, tuntutan terhadap jaminan yang diberikan, penguatkuasaan lien yang didakwa, hak pengurangan kepentingan saham, pendaftaran, bebanan, penjualan atau penjualan terpaksa, pembelian, penjualan aset, penolakan (*repudiation*), pembatalan, tolakan (*set-off*), pemilikan semula, sitaan, penukaran (*conversion*), pengambilalihan, penamatan,



penggantungan, pengubahsuaian atau pembatalan atau hak untuk untuk membatalkan sebarang kelayakan atau pendaftaran), pilihan (*option*) atau remedi yang timbul dari undang-undang, berdasarkan mana-mana perjanjian atau dengan apa-apa cara lain terhadap Pemohon atau aset Pemohon yang terbangkit daripada:

- (a) sebarang kemungkiran atau ketidaklaksanaan oleh Pemohon dan/atau subsidiari-subsidiarinya walau apa jua pun timbul dan/atau sebarang situasi lain yang mungkin menimbulkan sebarang hak untuk mengambil tindakan terhadap Pemohon;
- (b) sebarang jaminan yang diberikan oleh Pemohon;
- (c) sebarang dan/atau lien didakwa terhadap asset-aset Pemohon;
- (d) pemberian Perintah di sini; dan
- (e) tanpa prejudis terhadap keluasan perkara-perkara di atas, sebarang langkah prosedur yang merupakan sebahagian daripada tindakan yang lebih luas, atau prosiding khusus sebelum mana-mana individu atau pemegang amanah bagi pihaknya boleh menguatkuasakan haknyna, termasuk sebarang tuntutan untuk bayaran dan sebarang deklarasi dalam situasi kemungkiran,

4.4. tiada apa-apa pelaksanaan, sitaan atau prosiding undang-undang lain boleh dimulakan, diteruskan atau dikenakan terhadap mana-mana harta Pemohon kecuali dengan kebenaran Mahkamah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh ditetapkan oleh Mahkamah;

4.5. tiada langkah yang boleh diambil untuk menguatkuasakan sebarang sekuriti terhadap sebarang harta Syarikat, atau untuk mengambil semula ('repossess') sebarang barang yang dipegang oleh Pemohon di



bawah mana-mana perjanjian pajakan harta alih, perjanjian sewa beli atau perjanjian pengekalan milikan, kecuali dengan kebenaran Mahkamah dan tertakluk kepada terma-terma yang dikenakan oleh Mahkamah ini; dan

- 4.6. tiada hak untuk memasuki semula atau perampasan (forfeiture) di bawah sebarang pajakan berkaitan mana-mana premis yang diduduki oleh Pemohon dapat dikuatkuasakan kecuali dengan kebenaran Mahkamah dan tertakluk kepada terma-terma yang dikenakan oleh Mahkamah ini.
5. Bahawa Perintah Halangan hendaklah terpakai ke atas sebarang tindakan mana-mana pihak di Malaysia atau di luar bidang kuasa Mahkamah, sama ada tindakan tersebut diambil di Malaysia atau di luar Malaysia.
6. Perintah Halangan hendaklah dianggap sebagai disampaikan kepada semua individu yang terjejas oleh Perintah Halangan, termasuk, dalam konteks syarikat-syarikat, pengarahnya:
 - 6.1. melalui emel kepada individu-individu yang mana Pemohon mempunyai maklumat perhubungan, dan bahawa penyampaian tersebut dianggap teratur sehari selepas dihantar;
 - 6.2. melalui notis di melalui laman web www.venatorcorp.com, dan bahawa penyampaian tersebut dianggap teratur sehari selepas yang sama diterbitkan, atau
 - 6.3. melalui pengiklanan perintah yang diberikan di sini sekali dalam Bahasa Inggeris dalam surat khabar "The New Straits Times" dan sekali dalam Bahasa Malaysia dalam "Berita Harian" masing-masing, dan bahawa penyampaian tersebut dianggap wajar sehari selepas hari penerbitan terakhir iklan-iklan tersebut.
7. Salinan pejabat Perintah Halangan diserahkan oleh Pemohon kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh 7 hari dari tarikh Perintah ini.



8. Jika Skim diluluskan di Mesyuarat Skim, Pemohon adalah bebas untuk memohon kepada Mahkamah dalam prosiding ini untuk Perintah menurut seksyen 366(3) and (4) Akta untuk membenarkan atau mengizinkan Skim tersebut.
9. Pemohon adalah bebas untuk memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini untuk perintah-perintah lanjutan, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - 9.1. untuk menetapkan peraturan atau arahan selanjutnya berhubung dengan mengadakan Mesyuarat Skim dan Perintah Halangan yang diberikan di sini;
 - 9.2. untuk melantik Pengerusi bagi setiap Mesyuarat Skim;
 - 9.3. untuk melanjutkan sebarang tempoh yang ditetapkan oleh mana-mana perintah yang diberikan di sini;
 - 9.4. untuk membenarkan sebarang penjualan dan/atau pelupusan aset-aset Pemohon, atau untuk mengesahkan sebarang transaksi di mana Pemohon adalah pihak; dan
 - 9.5. untuk mengubah sebarang perintah yang diberikan di sini.
10. Jika terdapat pertikaian atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa kebangsaan bagi Notis untuk Mesyuarat Skim dan Penyata Penerangan (jika ada), versi Bahasa Inggeris bagi Notis untuk Mesyuarat Skim dan Penyata Penerangan hendaklah diutamakan dan mengatasi versi Bahasa Kebangsaan.



11. Tiada perintah kos.

Bertarikh pada 26 November 2025



NURUL SYAMIMI BINTI MOHD SOAIHAMI
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

PERINTAH ini difailkan oleh Tetuan Rahmat Lim & Partners, peguamcara bagi pihak Pemohon, di mana alamat penyampaian adalah di Suite 33.01, Level 33, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2299 3864 / 3845

Fax : 03-2287 1278

Ruj : 8025006689 KWONGCE



S/N Oi0n5BKUuOmebpysGRPA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

LAMPIRAN A



S/N Oi0n5BKUuOmebpysGRPA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

LAMPIRAN A: PERATURAN DAN PROSEDUR MESYUARAT SKIM

1.0. DEFINISI

- 1.1 Pernyataan-pernyataan berikut hendaklah, melainkan konteks menghendaki sebaliknya, mempunyai makna berikut.

"Akta"	Akta Syarikat 2016, dan sebarang pindaan berikutnya daripadanya dari semasa ke semasa
"Pengerusi"	Orang yang ditetapkan di bawah Seksyen 366(2A) Akta, dan orang itu sama ada pengamal insolvensi yang dilantik di bawah Seksyen 367(3) Akta atau orang yang dipilih oleh majoriti pemiutang berdasarkan nilai atau kelas pemiutang jika tiada pengamal insolvensi telah dilantik di bawah seksyen 367(3) Akta
"Syarikat"	Venator Asia Sdn. Bhd. (Company No. 198201008460 (88183-K))
"Kenyataan Penjelasan" (<i>Explanatory Statement</i>)	Kenyataan yang akan dikeluarkan menurut seksyen 369(1)(a) Akta yang menerangkan kesan skim kompromi dan perkiraan yang dicadangkan
"Notis Mesyuarat Skim"	Notis memanggil sidang mesyuarat menurut seksyen 369(1) Akta
"Bukti Hutang"	Bukti hutang yang perlu difailkan menurut seksyen 369B Akta
"Tuntutan Skim"	Semua dan sebarang hutang, kewajipan dan liabiliti semasa, masa depan dan kontinjen Syarikat, termasuk semua jumlah tertunggak atau perlu dibayar daripada atau terhutang, ditanggung atau terakru oleh (atau didakwa tertunggak atau perlu dibayar daripada atau berhutang, ditanggung atau terakru oleh) Syarikat walau apa pun yang timbul berkenaan dengan atau berkaitan dengan Pemiutang Skimnya sehingga dan pada tarikh yang ditetapkan oleh Syarikat
"Pertimbangan Skim"	Kompromi, penyelesaian dan penstrukturan semula Tuntutan Skim Pemiutang Skim tersebut di bawah Skim pada Tarikh Berkuat Kuasa Penstrukturan Semula (<i>Restructuring Effective Date</i>)
"Pemiutang Skim"	Pemiutang Syarikat (semasa, kontinjen atau sebaliknya) yang mana Tuntutan Skim tertentu tersebut adalah tertakluk kepada skim perkiraan yang dicadangkan.
"Dokumen Skim"	Kertas Skim (<i>Scheme Paper</i>), Pernyataan Penjelasan (<i>Explanatory Statement</i>), Borang Proksi dan Pengundian



"Mesyuarat Skim"	Mesyuarat kelas Pemiutang Skim yang disidang oleh Syarikat menurut perintah Mahkamah Tinggi Malaya
"Kertas Skim"	Dokumen yang mengiringi Pernyataan Penjelasan, yang dikeluarkan secara kolektif oleh Syarikat, dan yang menyatakan terma terperinci skim perkiraan untuk Syarikat

2.0. SIDANG MEYSUARAT, PENGELUARAN NOTIS DAN DOKUMEN SKIM

- 2.1 Bahawa Syarikat bebas, jika perlu, untuk mengadakan Mesyuarat Skim menggunakan apa-apa teknologi atau kaedah yang membolehkan Pemiutang Skim mengambil bahagian dan mengundi pada Mesyuarat Skim, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana teknologi komunikasi jarak jauh seperti pautan video langsung atau cara komunikasi elektronik lain.
- 2.2 Mesyuarat Skim hendaklah dipanggil melalui Notis Mesyuarat Skim dan bahawa Notis Mesyuarat Skim itu hendaklah dianggap telah disampaikan secara teratur melalui:
- (a) penerbitan iklan sekali dalam bahasa Inggeris dalam *akhbar "The New Straits Times"* dan sekali dalam bahasa kebangsaan dalam *akhbar "Berita Harian"* masing-masing dan Notis Mesyuarat Skim itu hendaklah dianggap telah disampaikan dengan teratur kepada setiap Pemiutang Skim sehari selepas penerbitan terakhir penerbitan iklan; atau
 - (b) pengeposan melalui sijil pengeposan Notis Mesyuarat Skim bersama-sama dengan pautan muat turun ke Dokumen Skim ke alamat terakhir yang diketahui bagi setiap Pemiutang Skim, dan bahawa notis tersebut dianggap telah diberikan dengan sewajarnya 2 hari selepas pengeposan; atau
 - (c) penghantaran melalui faksimili atau mel elektronik Notis Mesyuarat Skim bersama-sama dengan pautan muat turun ke Dokumen Skim ke alamat faksimili atau mel elektronik terakhir yang diketahui bagi setiap Pemiutang Skim dan bahawa Notis tersebut hendaklah dianggap diberikan dengan teratur pada masa dihantar (seperti yang direkodkan oleh peranti dari mana dokumen tersebut dihantar); atau
 - (d) di mana Syarikat tidak mempunyai rekod alamat e-mel Pemiutang Skim itu, dengan menghantar Notis Mesyuarat Skim dan pautan muat turun ke Dokumen Skim ke nombor faksimili atau pos berdaftar ke alamat terakhir Pemiutang Skim itu dan Dokumen Skim itu hendaklah dianggap dihantar



secara teratur pada masa ia dihantar melalui faksimili atau diposkan (mengikut mana-mana yang berkenaan).

- 2.3 Berhubung dengan penyampaian secara amnya dan walaupun apa-apa yang dinyatakan di sini, Syarikat bebas untuk menyampaikan Notis Mesyuarat Skim dan Dokumen Skim dengan menerbitkannya di satu laman web khusus, dan jika Syarikat menganggapnya sesuai, di platform media sosial dan penerbitan tersebut akan dianggap sebagai penyampaian yang teratur pada hari selepas penerbitan tersebut.
- 2.4 Syarikat hendaklah menyediakan Dokumen Skim di pejabat berdaftar masing-masing pada mana-mana hari perniagaan antara jam 9.00 pagi dan 5.00 petang dengan syarat bahawa permintaan tersebut dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh pengambilan Dokumen Skim tersebut, dan tarikh pengambilan tersebut tidak lewat daripada tiga (3) hari bekerja sebelum Mesyuarat Skim.
- 2.5 Apa-apa penangguhan Mesyuarat Skim kepada tarikh tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh Mesyuarat Skim asal, Mesyuarat Skim yang ditangguhkan boleh diadakan dengan memberi notis melalui iklan di mana-mana platform media yang fleksibel, mudah dan praktikal kepada Syarikat, dan dengan pengiklanan notis tersebut dalam surat akhbar berbahasa Inggeris, dan bahawa notis Mesyuarat Skim yang ditangguhkan disifatkan diberikan dengan sewajarnya sehari selepas penerbitan terakhir iklan tersebut.
- 2.6 Sebarang peninggalan yang tidak disengajakan untuk menyampaikan ke atas mana-mana Pemiutang Skim atau tidak diterima oleh mana-mana Pemiutang Skim tersebut bagi Dokumen Skim, tidak boleh membatalkan prosiding pada Mesyuarat Skim.
- 2.7 Bahawa Syarikat hendaklah bebas untuk menetapkan apa-apa peraturan yang mungkin diperlukan untuk pengendalian Mesyuarat Skim (jika ada) hendaklah dilampirkan kepada Notis Mesyuarat Skim. Notis sedemikian boleh termasuk apa-apa perintah dan peraturan untuk mengadakan Mesyuarat Skim melalui cara elektronik dan tanpa kehadiran fizikal Pemiutang Skim.

3.0. BUKTI HUTANG

- 3.1 Garis Panduan Adjudikasi Bukti Hutang di bawah Seksyen 369B Akta Syarikat 2016 dan Perkara Berkaitan Lain (*Guidelines for the Adjudication of Proof of Debts under Section 369B of the Companies Act 2016 and Other Related Matters*) yang dikeluarkan



oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 1.4.2024 hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

- 3.2 Setiap Pemiutang Skim hendaklah memfailkan bukti hutangnya dengan cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat untuk mengundi dalam Mesyuarat Skim.
- 3.3 Penilaian Tuntutan Skim bagi tujuan pengundian hendaklah dijalankan oleh Pengerusi, dan Pengerusi boleh untuk tujuan pengundian menerima atau menolak Tuntutan Skim secara keseluruhan atau secara sebahagian.
- 3.4 Jika Tuntutan Skim tidak dapat dipastikan, kontinjen atau dipertikaikan (sebahagiannya) tetapi Pengerusi dapat menganggarkan nilai minimum Tuntutan Skim itu, Pengerusi boleh mengakui Tuntutan Skim untuk tujuan pengundian pada nilai minimum tersebut. Jika Tuntutan Skim dipertikaikan secara keseluruhan, atau Pengerusi tidak dapat meletakkan nilai minimum padanya, Tuntutan Skim itu hendaklah ditolak oleh Pengerusi secara keseluruhan untuk tujuan pengundian.
- 3.5 Untuk mengelakkan keraguan, setiap Pemiutang Skim dibenarkan untuk:
 - (a) menghadiri dan mengundi di Mesyuarat Skim secara peribadi (jika Pemiutang Skim adalah individu);
 - (b) menghadiri dan mengundi pada Mesyuarat Skim oleh wakil yang diberi kuasa (jika Pemiutang Skim adalah sebuah perbadanan (*corporation*)) yang dilantik dengan teratur di bawah undang-undang tempat pemerbadanan Pemiutang Skim tersebut dan bahawa undi tersebut hendaklah dianggap telah dibuat secara peribadi bagi pihak Pemiutang Skim tersebut;
 - (c) untuk melantik Pengerusi sebagai proksinya dan mengarahkannya untuk mengundi bagi pihak Pemiutang Skim itu dan sama ada untuk mengarahkannya untuk mengundi mengikut kehendak Pemiutang Skim itu; atau
 - (d) untuk melantik orang lain sebagai proksinya untuk menghadiri dan mengundi di Mesyuarat Skim secara peribadi bagi pihaknya dan sama ada untuk mengarahkannya untuk mengundi mengikut kehendak Pemiutang Skim tersebut.



- 3.6 Borang proksi atau wakil yang diberi kuasa hendaklah dilengkapi, ditandatangani dan dikembalikan mengikut arahan yang dinyatakan di atasnya.
- 3.7 Jika Pemiutang Skim gagal mengemukakan borang proksi atau wakil yang diberi kuasa di alamat seperti yang dikehendaki dalam Dokumen Skim sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja di Kuala Lumpur sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat Skim (atau apa-apa masa lain yang dilanjutkan oleh Pengerusi), proksi atau wakil yang diberi kuasa Pemiutang Skim tersebut tidak berhak mengundi di Mesyuarat Skim melainkan diterima untuk mengundi di Mesyuarat Skim menurut budi bicara mutlak Pengerusi.
- 3.8 Jumlah Tuntutan Skim yang dinyatakan dalam Bukti Hutang diterima oleh Pengerusi untuk tujuan pengundian sahaja dan tidak menentukan sama ada Tuntutan Skim itu diterima oleh Syarikat untuk tujuan pembayaran Pertimbangan Skim. Syarikat berhak, tetapi tidak diwajibkan, untuk menerima pakai jumlah mana-mana Tuntutan Skim yang diterima oleh Pengerusi untuk tujuan menentukan hak kepada Pertimbangan Skim.
- 3.9 Pengerusi hendaklah melaporkan keputusan pengundian Mesyuarat Skim kepada Mahkamah Yang Mulia ini secepat mungkin selepas tamat Mesyuarat Skim.



PENTERJEMAHAN

TRANSLATION



S/N Oi0n5BKUuOmebpysGRPA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR
IN THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR, MALAYSIA
(COMMERCIAL DIVISION)**

ORIGINATING SUMMONS NO. WA-24NCC(SOA)-21-09/2025

In the matter of Venator Asia Sdn. Bhd.
(Company No. 198201008460 (88183-K))

And

In the matter of a proposed scheme of
arrangement between Venator Asia Sdn.
Bhd. and its Scheme Creditors pursuant to
Section 366 of the Companies Act 2016.

And

In the matter of Sections 366, 367, 368, and
369 of the Companies Act 2016.

And

In the matter of Order 7 rule 2, Order 28 and
Order 88 of the Rules of Court 2012.

VENATOR ASIA SDN. BHD.
(Company No. 198201008460 (88183-K))

...APPLICANT

BEFORE JUDICIAL COMMISSIONER
SUHENDRAN SOCKANATHAN
ON 26 NOVEMBER 2025

OPEN COURT

ORDER

(Ex-Parte)

UPON THE APPLICATION of the abovenamed Applicant **AND UPON**
READING the Originating Summons (*Companies Act*) (*Ex-Parte*) dated 29.09.2025,
and all the enclosures filed herein, **AND UPON HEARING** Kwong Chiew Ee, Melvin
Ng Yet Ting and Richard Jerome Peter Selestine, together, Counsel for the Applicant.
IT IS HEREBY ORDERED that:-



1. The meeting of the creditors ("**Scheme Creditors**") of the Applicant or any class of them (the "**Scheme Meetings**") be summoned within 5 months from the date of the order made herein for the purpose of considering and if thought fit, approving, with or without modification (which modification may be made at and/or before the Scheme Meetings), the scheme of arrangement and compromise ("**Scheme**") proposed between the Applicant and its Scheme Creditors or any class of them.
2. The Applicant be at liberty to fix the date, time and venue(s) of each of the Scheme Meetings (whether held at one or more venues and whether held physically or virtually).
3. The convening and holding of the Scheme Meetings be in the manner as set out in **Annexure A** hereto, or in such other manner as this Honourable Court may direct.
4. A restraining order be granted in favour of the Applicant pursuant to sections 368(1) and 368(3A) of the Act for a period of 3 months from the date of an order made herein, whereby:
 - 4.1 no order may be made, and no resolution may be passed, for the winding up of the Applicant;
 - 4.2 no receiver or receiver and manager may be appointed over any undertaking or property of the Applicant;
 - 4.3 no proceedings (whether future and intended proceedings and/or all further proceedings) may be commenced or continued against the Applicant other than the proceedings under section 366, 368C, 368D, 369A or 370 of the Act except with the leave of the Court and subject to any terms as the Court may impose, and that such proceedings include (but are not limited to):
 - 4.3.1. any arbitration proceedings and/or proceedings under the Construction Industry Payment and Adjudication Act 2012;



- 4.3.2. any winding-up proceedings and all proceedings for the appointment of any liquidator(s), receiver(s) and/or manager(s), nominee(s) (pursuant to an application for a corporate voluntary arrangement) and/or judicial manager(s) over the Applicant and/or its assets);
- 4.3.3. any proceedings in any tribunal whether pursuant to any statute or otherwise;
- 4.3.4. any dealing with the assets of the Applicant in any way or entering upon any premises on which such assets may be located except with the prior written consent of the Applicant or upon further order of this Honourable Court;
- 4.3.5. all extra-judicial proceedings including any demands for payment, enforcement or exercise or intended exercise, of any liens, securities, right of set-off, undertakings and guarantees under any documentary and standby letters of credit, performance bonds, bid bonds, bank guarantees or security documents or creation of any statutory lien and/or other contingent trade related instruments against the Applicant or any institution that has issued such instrument at the request of the Applicant pursuant to a facility entered into with that Applicant;
- 4.3.6. any enforcement or exercise of any right (including but not limited to any garnishee actions, contra or set off of debts, claims against guarantees provided, enforcement of alleged liens, right of dilution, registration, encumbrance, sale or forced sale, buy-out, divestiture, repudiation, rescission, set-off, repossession, distress, conversion, possession, termination, suspension, modification or cancellation or the right to revoke any qualification or registration), option or remedy arising by law, by virtue of



any agreement or by any other means against the Applicant or the assets of the Applicant as a result of:

- (a) any default or non-performance by the Applicant and/or its subsidiaries howsoever arising and/or any other circumstances which may give rise to any right to take action against the Applicant;
 - (b) any guarantees provided by the Applicant;
 - (c) any and/or alleged liens against the assets of the Applicant;
 - (d) the making of this Order; and
 - (e) without prejudice to the generality of the foregoing, any procedural step that is part of a larger action, or special proceedings before any person or any trustee on behalf thereof may enforce its rights, including any demand for payment and any declaration of an event of default.
- 4.4. no execution, distress or other legal process may be commenced, continued or levied against any property of the Applicant except with the leave of the Court and subject to any terms as the Court may impose;
- 4.5. no steps may be taken to enforce any security over any property of the company, or to repossess any goods held by the Applicant under any chattels leasing agreement, hire purchase agreement or retention of title agreement, except with the leave of the Court and subject to any terms as the Court may impose; and
- 4.6. no right of re-entry or forfeiture under any lease in respect of any premises occupied by the Applicant may be enforced except with the leave of the Court and subject to any terms as the Court may impose.



5. That the Restraining Order shall apply to any act of any party in Malaysia or within the jurisdiction of the Court, whether the act takes place in Malaysia or elsewhere.
6. The Restraining Order shall be deemed to be served on all persons affected by the Restraining Order, including, in the context of companies, the directors thereof:
 - 6.1. by way of email to such persons for whom the Applicant holds contact details, and that such service be deemed to have been duly given the day after it was sent;
 - 6.2. by way of notice via the website with an address of “www.venatorcorp.com”, and that such service be deemed to have been duly given the day after it was published, or
 - 6.3. by way of advertisements of the order to be made herein once in English in “The New Straits Times” newspaper and once in Bahasa Malaysia in the “Berita Harian” newspaper respectively, and that such service be deemed to have been duly given the day after the last publication of the said advertisements.
7. An office copy of the Restraining Order be lodged by the Applicant with the Registrar of Companies within 7 days of the date of this Order.
8. That in the event that the Scheme is approved at the Scheme Meetings, the Applicant be at liberty to apply to the Court in this proceeding for an Order pursuant to section 366(3) and (4) of the Act to approve or sanction such Scheme.
9. The Applicant be at liberty to apply to this Honourable Court for further orders and directions, including but not limited to the following:
 - 9.1. to fix further rules or directions in relation to the holding of the Scheme Meetings and the Restraining Order(s) granted herein;
 - 9.2. to appoint a Chairperson for each of the Scheme Meetings;



- 9.3. to extend any period prescribed by any order made herein;
- 9.4. to approve any sale and/or disposal of assets of the Applicant, or to validate any transaction in which the Applicant is a party; and
- 9.5. to vary any order made herein.
10. In the event of any conflict or discrepancy between the English language version and the national language version of the Notice of the Scheme Meetings and the Explanatory Statement (if any), the English language version of the Notice of the Scheme Meetings and the Explanatory Statement shall take precedence and prevail over the national language version.
11. There be no order as to costs.

Dated this 26th day of November 2025

.....
Senior Assistant Registrar
High Court of Malaya
Kuala Lumpur

This **ORDER** is filed by Messrs Rahmat Lim & Partners, solicitors for the Applicant, whose address for service is at Suite 33.01, Level 33, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2299 3864 / 3845

Fax : 03-2287 1278

Ref : 8025006689 KWONGCE



S/N Oi0n5BKUuOmebpysGRPA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

ANNEXURE A



S/N Oi0n5BKUuOmebpysGRPA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

ANNEXURE A: RULES AND PROCEDURES FOR SCHEME MEETINGS

1.0. DEFINITIONS

- 1.1 The following expressions shall, unless the context otherwise requires, have the following meanings.

“Act”	The Companies Act 2016, and any subsequent amendments thereto from time to time
“Chairperson”	The person designated under section 366(2A) of the Act, and such person being either an insolvency practitioner appointed under section 367(3) of the Act or a person elected by the majority in value of the creditors or class of creditors if no insolvency practitioner has been appointed under section 367(3) of the Act
“Company”	Venator Asia Sdn. Bhd. (Company No. 198201008460 (88183-K))
“Explanatory Statement”	The statement to be issued pursuant to section 369(1)(a) of the Act explaining the effect of the proposed scheme of compromise and arrangement
“Notice of Scheme Meeting”	The notice summoning the meeting issued pursuant to section 369(1) of the Act
“Proof of Debt”	The proof of debt which is required to be filed pursuant to section 369B of the Act
“Scheme Claims”	All and any current, future and contingent indebtedness, obligations and liabilities of the Company, including all amounts outstanding or due from or owing, incurred or accrued by (or claimed to be outstanding or due from or owing, incurred or accrued by) the Company howsoever arising with respect to or in connection with its Scheme Creditors up to and as at the a date designated by the Company
“Scheme Consideration”	Compromise, settlement and restructuring of the Scheme Claims of such Scheme Creditor under the Scheme on the Restructuring Effective Date
“Scheme Creditors”	The Company’s creditors (current, contingent or otherwise) whose Scheme Claims will be subject to a proposed scheme of arrangement.
“Scheme Documents”	The Scheme Paper, the Explanatory Statement, Proxy and Voting Form



“Scheme Meeting”	A meeting of a class of Scheme Creditors of that the Company convened pursuant to the order of the High Court of Malaya
“Scheme Paper”	The document accompanying this Explanatory Statement, which is issued collectively by the Company, and sets out the detailed terms of the scheme of arrangement for the Company

2.0. CONVENING OF MEETING, ISSUANCE OF NOTICES AND SCHEME DOCUMENTS

- 2.1 That the Company be at liberty, if necessary, to hold the Scheme Meetings using any technology or method that enables the Scheme Creditors to participate and to vote at the Scheme Meetings, including but not limited to any remote communication technology such as a live video link or other electronic means of communication.
- 2.2 The Scheme Meetings shall be summoned by way of a Notice of Scheme Meeting and that such Notice of Scheme Meeting shall be deemed to have been properly served by:
- (a) publication of advertisements once in English in “*The New Straits Times*” newspaper and once in the national language in the “*Berita Harian*” newspaper respectively and that Notice of Scheme Meeting shall be deemed to have been duly served on each Scheme Creditor the day after last publication the publication of the advertisements; or
 - (b) posting by certificate of posting the Notice of Scheme Meeting together with a download link to the Scheme Documents to the last known address of each of the Scheme Creditors, and that such notice be deemed to have been duly given 2 days after the posting of the same; or
 - (c) sending by facsimile or electronic mail the Notice of Scheme Meeting together with a download link to the Scheme Documents to the last known facsimile or electronic mail address of each of the Scheme Creditors and that such Notice shall be deemed to be duly given at the time sent (as recorded by the device from which the said documents were sent); or
 - (d) where the Company does not have a record of that Scheme Creditor’s email address, by sending the Notice of Scheme Meeting and a download link to the Scheme Documents to the facsimile number or registered post to that Scheme Creditor’s last known address and that Scheme Documents shall be deemed



duly sent at the time they were transmitted via facsimile or posted (as the case may be).

- 2.3 In relation to service generally and notwithstanding anything stated herein, the Company shall be at liberty to serve the Notice of the Scheme Meetings and the Scheme Documents by publishing the same on a dedicated website, and if the Company deems fit, on social media platforms and such publication shall be deemed to be good service on the day after such publication.
- 2.4 The Company shall make the Scheme Documents available at their respective registered office on any business day between the hours of 9.00 a.m. and 5.00 p.m. provided that the said request is made at least made three (3) business days prior to the date of collection of such Scheme Documents, and that such date of collection being not later than three (3) business days prior to the Scheme Meetings.
- 2.5 Any adjournment of a Scheme Meeting(s) to a date no later than fourteen (14) days from the date of the original Scheme Meeting(s), the adjourned Scheme Meeting(s) may be convened by giving notice by way of an advertisement on any media platform which is flexible, convenient and practicable to the Company, and by an advertisement of the said notice in an English language newspaper, and that notice of the adjourned Scheme Meeting(s) be deemed to be duly given the day after the last publication of the said advertisement.
- 2.6 Any accidental omission to serve any Scheme Creditor or the non-receipt by any such Scheme Creditor of the Scheme Documents, shall not invalidate the proceedings at the Scheme Meetings.
- 2.7 That the Company shall be at liberty to fix such rules as may be necessary for the conduct of the Scheme Meetings which (if any) shall be annexed to the Notice of Scheme Meeting. Such notice may include any order and rules for the holding of the Scheme Meeting(s) by electronic means and without the physical presence of the Scheme Creditors.

3.0. PROOFS OF DEBT

- 3.1 The Guidelines for the Adjudication of Proof of Debts under Section 369B of the Companies Act 2016 and Other Related Matters issued by the Companies Commission of Malaysia on 1.4.2024 shall apply *mutatis mutandis*.



- 3.2 Each Scheme Creditor shall file its proof of debt in the manner and within the period stated in the Notice of Meeting to vote in the Scheme Meeting.
- 3.3 The assessment of Scheme Claims for voting purposes shall be carried out by the Chairperson and the Chairperson may, for voting purposes, accept or reject a Scheme Claim in whole or in part.
- 3.4 If a Scheme Claim is unascertained, contingent or disputed (in part) but the Chairperson is able to estimate a minimum value of that Scheme Claim, the Chairperson may admit the Scheme Claim for voting purposes at that minimum value. If a Scheme Claim is disputed in its entirety, or the Chairperson is otherwise unable to place a minimum value on it, that Scheme Claim shall be rejected by the Chairperson in its entirety for voting purposes.
- 3.5 For the avoidance of doubt, each Scheme Creditor is permitted to:
- (a) attend and vote at the Scheme Meetings in person (if the Scheme Creditor is an individual);
 - (b) attend and vote at the Scheme Meetings by a duly authorised representative (if the Scheme Creditor is a corporation) duly appointed under the law of the place of incorporation of such Scheme Creditor and that such vote shall be deemed to have been cast in person on behalf of such Scheme Creditor;
 - (c) to appoint the Chairperson as its proxy and to instruct it to cast a vote on behalf of such Scheme Creditor and whether to instruct them to vote in accordance with the wishes of such Scheme Creditor or
 - (d) to appoint someone else as its proxy to attend and vote at the Scheme Meetings in person on its behalf and whether to instruct it to cast a vote in accordance with the wishes of such Scheme Creditor.
- 3.6 The proxy or authorised representative form shall be completed, signed and returned in accordance with the instructions printed thereon.
- 3.7 If a Scheme Creditor fails to lodge a proxy or authorised representative form at the address as required in the Scheme Documents at least seven (7) business days in Kuala Lumpur before the time fixed for the Scheme Meetings (or such other time as may be extended by the Chairperson), the proxy or authorised representative of such



Scheme Creditor shall not be entitled to vote at the Scheme Meetings unless so admitted to vote at the sole and absolute discretion of the Chairperson.

- 3.8 The amount of a Scheme Claim stated in a Proof of Debt is admitted by the Chairperson for voting purposes only and does not indicate whether that Scheme Claim is accepted by the Company for the purposes of payment of Scheme Consideration. The Company is entitled, but not obligated, to adopt the amount of any Scheme Claim admitted by the Chairperson for the purposes of determining entitlement to Scheme Consideration.
- 3.9 The Chairperson shall report the voting results of the Scheme Meetings to this Honourable Court as soon as may be practicable after the conclusion of the Scheme Meetings.

